



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 – 11 MEI 2026 (SABTU - ISNIN)

7,000 Haiwan Ternakan disembelih pada Aidiladha

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	14	11 Mei



ANUN (kiri) merasmikan Kempen Kesedaran Awam Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan peringkat Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

7,000 haiwan ternakan disembelih pada Aidiladha

KUALA TERENGGANU – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri menjangkakan hampir 7,000 lembu, kerbau, kambing, kambing biri-biri dan unta akan disembelih sebagai ibadah korban sempena Aidiladha hujung bulan ini.

Pengarah Veterinar Terengganu, Dr. Anun Man berkata, jumlah itu meningkat hingga lima peratus berbanding tahun lalu.

“Sebanyak 6,229 ekor haiwan ternakan disembelih sempena Aidiladha tahun lalu. Kita menjangkakan sembelihan bagi ibadah korban tahun ini akan meningkat dua dan lima peratus,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Kempen Kesedaran Awam Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan peringkat Terengganu.

Katanya, individu tempatan yang berhasrat untuk melaksanakan ibadah korban boleh memohon permit penyembelihan di pejabat JPV berhampiran mulai semalam.

Permohonan permit sembelihan luar dikenakan caj RM35 seekor untuk lembu dan kerbau, manakala kambing dan bebiri RM25 seekor yang akan dibuka sehingga 21 Mei ini.

“Upacara sembelihan ibadah korban dibenarkan pada 10 hingga 13 Zulhijjah. Pergerakan haiwan korban pula dibenarkan bermula 24 hingga 30 Mei,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Anun berkata, orang ramai turut digalakkan melaksanakan ibadah korban di 10 rumah sembelihan yang terdapat di seluruh Terengganu.

Puyuh Inovasi UPM, dari Ladang ke Komuniti

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Pendidikan	19	11 Mei

Puyuh inovasi UPM, dari ladang ke komuniti



UPM membangunkan projek penternakan puyuh berasaskan inovasi.
(Foto BERNAMA)

Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan projek penternakan puyuh berasaskan inovasi sejak lima tahun lalu bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta perkongsian kepada masyarakat.

Projek melalui Pusat Pertanian Putra itu membabitkan penuntut universiti dan komuniti luar melalui pelbagai program latihan berkaitan penternakan puyuh, merangkumi keseluruhan rantauan industri daripada pemberian hingga pemasaran.

Pengarah Pusat Pertanian Putra, Profesor Dr Siti Zaharah Sakimin, berkata projek itu bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar

dari segi pembelajaran praktikal, malah membantu komuniti memperoleh kemahiran untuk menjadikan penternakan puyuh sebagai sumber pendapatan.

"Penternakan puyuh antara ternakan mudah dijaga kerana tempoh jangka hayat hanya memerlukan kurang sebulan daripada anak hingga sedia dipasarkan dengan kami terbahit sepenuhnya, sehingga aktiviti penjualan," katanya.

Siti Zaharah berkata, inovasi penghasilan dedak menggunakan bahan asas seperti soya dan jagung yang diformulasikan khusus oleh penyelidik UPM membolehkan tempoh pertumbuhan puyuh dipercepat, sekali gus meningkatkan

hasil pengeluaran.

"Dedak memerlukan kos yang sangat tinggi. Oleh itu, pegawai pertanian dan penyelidikan daripada UPM melakukan inovasi dengan menggunakan formula bahan asas serta pelbagai campuran komposisi untuk menghasilkan dedak sendiri.

"Dengan ini, kami dapat menjimatkan kos makanan antara 50 hingga 60 peratus berbanding makanan komersial di pasaran. Secara tidak langsung ini meningkatkan keuntungan peternak contohnya keuntungan jualan daging meningkat daripada sekitar RM2.50 kepada lebih RM3 seekor. BERNAMA.

Lelaki Warga Emas Korban Terbaharu Kes Rabies Di Sarawak

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Dalam Talian	8 Mei



Foto hiasan. – Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Sarawak merekodkan satu lagi kematian akibat rabies melibatkan seorang lelaki warga emas dari Bintulu, sekali gus menjadikan jumlah kes dalam kalangan manusia meningkat kepada empat tahun ini.

Dalam satu kenyataan, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak memaklumkan, mangsa, 63, meninggal dunia pada 3 Mei lalu selepas disahkan dijangkiti rabies.

“Mangsa mempunyai sejarah digigit anak anjing pada

pertengahan Februari lalu, namun tidak mendapatkan rawatan di mana-mana fasiliti kesihatan.

“Mangsa hanya mencuci luka dengan air dalam tempoh kurang daripada lima minit sebelum pulang ke rumah tanpa mendapatkan suntikan vaksin atau rawatan lanjut,” menurut kenyataan itu.

Difahamkan, mangsa mula mengalami kelemahan anggota badan serta enggan minum air pada 26 April lalu sebelum dibawa ke Hospital Bintulu pada hari sama, dan

ujian makmal mengesahkan tindakan lanjut.-[BULETINTV3](#)
warga emas berkenaan
dijangkiti rabies.

“Siasatan mendapati faktor risiko utama bagi kes ini ialah kelewatan mendapatkan rawatan selepas digigit haiwan.

“Anjing yang menggigit juga tidak pernah menerima vaksinasi dan status jangkitan rabies haiwan tersebut tidak dapat dipastikan,” katanya.

Sejak wabak rabies diisytiharkan di Sarawak pada Julai 2017, sejumlah 94 kes membabitkan manusia direkodkan dengan 87 daripadanya membawa maut, menjadikan kadar kematian akibat penyakit itu mencecah 92.6 peratus.

Orang ramai turut diingatkan jangkitan virus rabies boleh menular ,melalui gigitan, cakaran atau pendedahan kepada air liur haiwan mamalia yang dijangkiti , terutamanya anjing dan kucing selain mengelakkan daripada mengendalikan bangkai haiwan yang mati tanpa diketahui punca kematiannya.

Sebarang kejadian hendaklah dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk

MBKS Laksana Program Vaksinasi Besar-besaran, 236 Anjing Divaksin			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Sarawak	Tempatan	Dalam Talian	10 Mei



PEMILIK haiwan membawa anjing untuk vaksinasi, pelesenan dan mikrochip dalam program anjuran MBKS bersama DVSS, SSPCA dan SVA. Foto MBKS

KUCHING: Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS), Persatuan Pencegahan Kekejaman Terhadap Haiwan Sarawak (SSPCA) dan Persatuan Veterinar Sarawak (SVA) mencatat penyertaan 152 pemilik anjing melibatkan 236 ekor anjing yang divaksin.

Daripada jumlah itu, 56 ekor menerima dos pertama manakala 180 ekor dos penggalak.

Dalam masa sama, MBKS melaksanakan Program Vaksinasi Besar-Besaran, Pelesenan, Mikrochip dan Pemandulan Bersubsidi di Taman Datuk Song Swee Guan, Tabuan Jaya, hari ini.

Program dari 8.30 pagi hingga 4.30 petang itu mengeluarkan 290 lesen anjing dan memasang 60 mikrochip bagi memperkukuh kawalan rabies serta meningkatkan kebolehsesanan haiwan peliharaan.

Bagi program pemandulan bersubsidi, sebanyak 27 permohonan diterima daripada pemilik haiwan.

Datuk Bandar Kuching Selatan, Datuk Wee Hong Seng berkata, usaha pencegahan rabies memerlukan tanggungjawab bersama dan komitmen berterusan semua pihak.

“Pencegahan rabies adalah tanggungjawab bersama. Penglibatan berterusan masyarakat amat penting bagi memastikan persekitaran yang lebih selamat dan sihat untuk komuniti serta haiwan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau turut menggesa pemilik haiwan memastikan anjing divaksin setiap tahun, dilesenkan dan dipasang mikrocip sebagai amalan pemilikan haiwan yang bertanggungjawab.-

[UTUSANSARAWAK](#)

7,000 Haiwan dijadikan Korban di Terengganu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Dalam Talian	10 Mei



Anun (kiri) merasmikan Kempen Kesedaran Awam Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan peringkat Terengganu di Kuala Terengganu, hari ini.

KUALA TERENGGANU – ternakan disembelih sempena Aidiladha di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri Terengganu tahun lalu. Kita menjangkakan hampir 7,000 lembu, kerbau, kambing, kambing biri-biri dan unta akan disembelih sebagai ibadah korban sempena Aidiladha hujung bulan ini. penyembelihan ibadah korban tahun ini meningkat dua dan lima peratus,” katanya.

Pengarah Veterinar Terengganu, Dr. Anun Man berkata, jumlah itu meningkat dua hingga lima peratus berbanding musim perayaan sama tahun lalu.

Terdahulu, beliau merasmikan Kempen Kesedaran Awam Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan peringkat Terengganu di sini semalam.

“Sebanyak 6,229 ekor haiwan

Anun berkata, individu tempatan yang berhasrat

melaksanakan ibadah korban boleh memohon permit penyembelihan di pejabat JPV berhampiran mulai semalam.

Permohonan permit sembelihan luar bagi ibadah korban dengan caj RM35 seekor untuk lembu dan kerbau, manakala kambing dan bebiri pula RM25 seekor akan dibuka sehingga 21 Mei ini.

“Upacara penyembelihan untuk ibadah korban dibenarkan pada 10 hingga 13 Zulhijjah. Pergerakan haiwan korban pula dibenarkan bermula 24 hingga 30 Mei ini,” katanya.

Orang ramai turut digalakkan melaksanakan ibadah korban di 10 rumah sembelihan di negeri ini. Tujuh daripada rumah sembelihan itu dikendalikan JPV, manakala baki tiga buah oleh pihak swasta.

“Setiap rumah sembelihan berupaya menyembelihan maksimum 25 ekor haiwan ternakan sehari,” katanya.-

[KOSMO](#)

Permit Sembelihan Korban dijangka Meningkatkan Tahun Ini – JPV Terengganu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	10 Mei



GAMBAR hiasan

KUALA TERENGGANU, 10 Mei (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu menjangkakan sebanyak 2,000 permit pergerakan ternakan korban dikeluarkan tahun ini, meningkat berbanding 1,750 permit tahun lepas.

Pengarah JPV Terengganu Dr Anun Man berkata setakat ini pihaknya telah membawa masuk sebanyak 400 ternakan melalui dua pengusaha atau pedagang ternakan sebagai persiapan awal sambutan Aidiladha.

"Mengikut data sistem eVetPermit, sebanyak 1,750 permit telah dikeluarkan melibatkan 4,341 ternakan terdiri daripada permit masuk negeri, keluar negeri dan permit masuk dalam negeri bagi tempoh April hingga Jun.

"Berdasarkan trend semasa, jumlah penyembelihan korban di Terengganu dijangkakan sehingga 6,600 ekor," katanya pada program Kempen Kesedaran Awam Pencegahan Penyakit Haiwan Ternakan JPV Terengganu 2026, di sini hari ini.

Program itu disempurnakan oleh Pengarah Pertanian Terengganu Dr Sukati Sakka dan turut dihadiri Pengarah Perikanan Terengganu Pang Nyukang.

Dalam pada itu, Anun berkata terdapat 90 pengusaha dan pedagang ternakan di negeri ini dengan kapasiti sebanyak 7,155 ekor haiwan ternakan termasuk lembu, kambing, biri-biri dan kerbau.

Sempena sambutan Aidiladha, beliau berkata JPV telah membuka permohonan Permit Kebenaran Sembelihan Luar (PSL) bermula hari ini hingga 21 Mei ini.

"Permohonan boleh dibuat di semua Pejabat Veterinar Daerah di seluruh Terengganu dan pergerakan hanya sah dari 24 hingga 30 Mei. Bagaimanapun keutamaan masih diberi kepada rumah sembelihan jabatan dan swasta berlesen bagi tujuan kawalan penyakit.

"Kadar yuran permit ditetapkan sebanyak RM35 seekor bagi lembu atau kerbau dan RM25 bagi kambing atau biri-biri dengan semua aktiviti penyembelihan tertakluk kepada pemantauan pemeriksa daging serta pematuhan garis panduan

direkodkan di Sarawak dengan 86 daripadanya maut.

Hanya tujuh pesakit dilaporkan terselamat, namun kebanyakannya meyang ditetapkan bagi menjamin keselamatan makanan serta pencegahan penyakit ternakan," katanya.

Sementara itu, Anun berkata orang ramai tidak digalakkan membeli ternakan atau daging daripada sumber diragui bagi memastikan keselamatan makanan serta mengelak penyakit.

Beliau berkata pada tahun lepas, JPV telah melakukan pelbagai rampasan terhadap ternakan yang disembelih di luar rumah sembelihan kerana tidak melalui pemeriksaan pihaknya serta tiada jaminan kebersihan.

"Sampel daripada rampasan ternakan telah diambil dan dihantar untuk dianalisis. Daripada keseluruhan sampel, sebanyak lima daripada 10 sampel didapati melebihi piawaian dari aspek kandungan bakteria, manakala 20 peratus lagi didapati positif salmonelosis.

"Kuman ini boleh menyebabkan keracunan makanan kepada manusia. Jika daging tercemar ini dimasak dengan tidak sempurna, ia boleh

menyebabkan cirit-birit,
demam, muntah dan risiko
kesihatan lain," katanya.--
[BERNAMA](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR